# 'Tidak ada keputusan lantik Daid

Oleh Rahman Hashim

BH 28 AUG 2000

"Pada waktu ini memang belum ada keputusan, boleh jadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menugaskan beliau berbincang mengenai beberapa perkara"

– Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

ALOR GAJAH, Ahad – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tidak ada sebarang keputusan dibuat untuk melantik Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, sebagai ketua perunding bagi menyelesaikan beberapa isu membabitkan Malaysia dan Singapura.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun Daim sebelum ini banyak membantu kerajaan menyelesaikan beberapa isu luar, setakat ini tiada keputusan dibuat mengenai pelantikan itu.

"Pada waktu ini memang belum ada keputusan, boleh jadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menugaskan beliau berbincang mengenai beberapa perkara.

"Sebelum inipun, ada beberapa Qerkara yang menjadi masalah antara Malaysia dan Singapura, Daim biasa terbabit dalam beberapa perbincangan yang diadakan," katanya selepas menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua Kontinjen Projek Jalur Gemilang Beijing 2000, Datuk Hishammuddin Tun Hussein di A Famosa Resort di sini, petang ini.

Jalur Cemilang sepanjang 2,000 meter itu dihasilkan oleh 960 penuntut Kolej Ibrahim Yaakub, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang akan mengiring Kumpulan Tarian Singa Kun Seng Keng ke China pada 1 Oktober ini.

Pada 3 Oktober ini, Jalur Gemilang itu akan dikibarkan di Tembok Besar China selepas mendapat undangan kerajaan China.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Dr Anuwar Ali.

Abdullah berkata demikian ketika mengulas laporan ***Business Times*** Singapura, semalam bahawa Dr Mahathir dijangka melantik Daim sebagai ketua Qerunding bagi menyelesaikan isu dua hala yang masih belum diselesaikan dengan Singapura.

Antara isu dua hala itu ialah tindakan Singapura mahu mendapatkan perjanjian baru bekalan air daripada Malaysia, pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura dan pusat pemeriksaan kastam Malaysia di republik itu.

Abdullah juga menafikan dakwaan bahawa Badan Perhubungan Umno mengeluarkan kod etika pakaian yang perlu dipakai oleh setiap ahali Umno sewaktu mknghadiri majlis yang dirasmikan oleh Perdana Menteri.

"Ini semua kerja orang penipu... nak menipu saja. Nak pengaruh, menipu... buat bohong. Nak cari pengaruh, buat fitnah," katanya.

Menjawab soalan sama ada kerajaan sudah menyiapkan kertas putih berhubung rompakan bersenjata di Sauk, Abdulah berkata beliau belum mendapat maklumat mutakhir mengenainya.